

Ghafar yakin politik, ekonomi makin stabil

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba yakin keadaan politik dan ekonomi negara akan terus bertambah stabil dan bertambah kukuh dengan pulihnya Umno.

Beliau berkata kemenangan calon Barisan Nasional (BN) dalam dua pilihanraya kecil di Parit Raja dan Ampang Jaya yang lalu membuktikan Umno semakin pulih.

"Kekuatan Umno kini hampir menyamai kekuatan ketika ia belum diharamkan pendaftarannya," katanya sambil menegaskan bahawa BN kalah dalam pilihanraya kecil Johor Bahru kerana ketika itu Umno belum pulih sepenuhnya.

"Saya yakin kekuatan Umno akan kembali sepenuhnya," kata Encik Ghafar yang juga Timbalan Presiden Umno, dalam temubual dengan Televisyen Malaysia yang disiarkan malam ini sempena genap setahun pendaftaran semula Umno hari ini.

"Kini rakyat sudah sedar dan insaf setelah BN kalah di Johor Bahru bahawa parti yang boleh menstabilkan politik negara ialah Umno."

Encik Ghafar menegaskan bahawa kemenangan BN di Ampang Jaya membuktikan bahawa BN berjaya menghidupkan semula semangat perpaduan di kalangan kaum.

Majoriti pengundi di kawasan itu adalah kaum Melayu tetapi mereka tetap mengundi calon BN walaupun berbangsa Cina kerana menyedari undi mereka adalah demi kestabilan politik negara.

Beliau juga yakin bahawa BN akan terus mengulangi kecemerlangannya dalam pilihanraya umum akan datang dengan pulihnya Umno.

Encik Ghafar berazam terus memperkukuhkan Umno dan berharap orang Melayu akan terus memberikan sokongan penuh agar pembangunan negara terus dapat dilaksanakan untuk generasi akan datang.

Mengenai vision Umno, beliau berkata ia sama dengan vision sebelum Umno dibatalkan pendaftarannya iaitu mengekalkan kestabilan politik, mewujudkan kerjasama semua kaum, membangunkan negara dan menumpukan usaha memperkembangkan ajaran Islam.

Mengenai usaha segelintir pihak untuk menghidupkan semula Umno yang dibatalkan pendaftarannya itu, Encik Ghafar berkata hanya satu cara sahaja yang boleh menghidupkan Umno iaitu mendaftarkan semula Umno.

Beliau kesal dengan sikap mereka itu yang masih belum memahami keadaan sebenar dengan menyatakan bahawa mereka akan terus berusaha menghidupkan Umno yang sudah dibatalkan pendaftarannya.

Mustahil

"Usaha kumpulan berkecenderungan untuk menghidupkan Umno itu adalah perkara mustahil kerana hanya satu jalan saja untuk menghidupkan Umno iaitu dengan mendaftarkannya semula seperti mana yang telah pun dilakukan," kata beliau.

Umno ditubuhkan pada 11 Mei 1946 tetapi pendaftarannya dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan ekoran keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan pendaftaran Umno pada 4 Februari 1987.

Umno kemudian diterima pendaftarannya semula oleh Pendaftar Pertubuhan pada 13 Februari tahun lalu. Bagaimanapun Perhimpunan Agung Umno pada tahun lalu menetapkan tarikh ulang tahun Umno dikekalkan pada 11 Mei.

Encik Ghafar menggesa anggota kumpulan serpihan itu supaya balik ke pangkal jalan dengan menyertai Umno kerana menurutnya tiada parti lain lagi yang boleh menstabilkan politik Melayu. — Bernama